

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN
HAJI MOHD YASSIN**

[PAGOH]

TARIKH : 15 MAC 2017 (RABU)

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin [Pagoh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan atas sebab pembelian 37% saham PT Eagle High Plantations TBK yang diteruskan oleh Felda melalui Felda Investment Corporation (FIC) walaupun sebelum ini telah dibatalkan oleh Felda Global Ventures Holdings (FGV). Apakah penilaian due diligence berhubung pembelian saham ini telah dilakukan dan berapakah tambahan hutang yang perlu ditanggung Felda selepas pembelian ini dan bagaimana hutang atau liabiliti ini hendak dilunaskan.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan pembelian pegangan 37% ekuiti dengan *Put Option* di dalam PT Eagle High Plantation Tbk (PT EHP) merupakan inisiatif Kerajaan bagi memperkukuhkan industri sawit negara dan FELDA merupakan platform bagi Kerajaan untuk melaksanakan pembelian ini memandangkan FELDA mempunyai kepakaran luas mengenai industri kelapa sawit di Malaysia. Pembelian ini dilaksanakan oleh salah sebuah syarikat subsidiari milik penuh FELDA, iaitu FIC Properties Sdn Bhd (FICP).

Faktor utama yang mempengaruhi keputusan FICP untuk melaksanakan pembelian ini adalah kerana ia selari dengan matlamat pelaburan jangka panjang FELDA untuk muncul sebagai pemain utama dan terbesar di dalam sektor minyak sawit global.

Selain itu, pelaburan ini juga dilihat akan memberi manfaat kepada kepentingan Malaysia, terutamanya dalam menyokong usaha strategik Malaysia-Indonesia berkaitan penubuhan dan pengukuhan pelaksanaan Piagam Penubuhan Majlis Minyak Negara-negara Pengeluar Minyak Kelapa Sawit (CPOPC) antara kedua-dua buah negara. Malaysia dan Indonesia telah menandatangani CPOPC pada bulan November 2015 yang bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama dalam kalangan negara-negara pengeluar minyak kelapa sawit serta menangani isu-isu berkaitan minyak kelapa sawit.

Dengan pemeteraian CPOPC tersebut, FELDA yang merupakan agensi kerajaan yang terlibat dalam sektor kelapa sawit telah diberi mandat oleh Kerajaan Malaysia untuk mewujudkan hubungan perniagaan dengan kumpulan Rajawali di Indonesia bagi memacu agenda CPOPC.

Cadangan pelaburan FICP dalam EHP ini memainkan peranan penting dalam menyokong penubuhan CPOPC dan pelaburan tersebut adalah demi kepentingan Malaysia (*best interest of Malaysia*). Faedah pelaksanaan CPOPC kepada Malaysia adalah seperti berikut.

- i) Meningkatkan imej positif minyak sawit; dan
- ii) Menjadi satu platform kepada negara-negara penanam sawit bagi bekerjasama menangani isu-isu halangan perdagangan minyak sawit dan pembangunan industri sawit secara mapan.

Di samping itu, langkah strategik ini dapat memberi peluang kepada FELDA untuk mendapat akses kepada tanah di Indonesia di mana EHP memiliki kira-kira 320,000 hektar tanah termasuk 125,000 hektar yang sudah di tanam. Ini juga merupakan peluang terakhir bagi FICP dan Malaysia atau mana-mana pihak asing untuk membeli syarikat Indonesia yang mempunyai bank tanah yang luas.

Pelaburan tersebut juga membolehkan FELDA menembusi pasaran domestik Indonesia yang mempunyai 260 juta penduduk di mana melalui pembelian pegangan ekuiti ini, Kumpulan FELDA mempunyai potensi perniagaan baru dan sinergi dalam bidang semaian, baja, urusan minyak sawit mentah dan lain-lain aktivi hiliran.

Bagi memastikan pelaburan dan kepentingan FELDA dan FICP terpelihara, FICP telah melaksanakan proses kajian terperinci (*due diligence*) sebelum memeterai perjanjian dengan EHP, di mana beberapa konsultan professional dan peguam telah dilantik bagi menilai keseluruhan aspek pembelian ini.

Jumlah hutang yang akan ditanggung oleh FICP dan FELDA adalah berdasarkan kepada nilai keseluruhan pembelian yang berjumlah USD505.40 juta.

Sekian, terima kasih.